



**YAMAN KEMBARA EKSOTIK- WILAYAH UTARA & SELATAN +
Qatar Airways (5 Star Airlines) & Penerbangan Domestik
8 HARI 6 MALAM**

HARI 01: KLIA/DOHA/SEIYUN [SP-on board/MT- on board /MM]

Berkumpul di KLIA 3 jam sebelum waktu penerbangan untuk urusan mendaftar masuk penerbangan ke Sanaa melalui Doha jam 3.30 pagi. Ketibaan di Doha jam 6.05 pagi, rehat sewaktu transit sebelum menyambung penerbangan ke Yaman. Ketibaan di Sanaa, Yaman jam 3.35 petang, mendaftar masuk hotel dan rehat.

HARI 02: SANAA/SEIYUN/TARIM/SEIYUN [SP/MT/M]

Selepas sarapan pagi, ke lapangan terbang untuk ke Seiyun. Ketibaan di Seiyun, anda akan disambut oleh wakil kami. Lawatan ke Tarim Aynat, lawatan termasuk ke Istana Al-Kaff (Muzium Tarim), Masjid Al-Muhdar, Istana Bin Yahya dan Darul Mustapha. Petang hari kembali ke Seiyun & masa bebas.

HARI 03: SEIYUN /SHIBAM/SEIYUN [SP/MT/MM]

Selepas sarapan pagi, lawatan di kota yang dahulunya menjadi ibu kota kesultanan Kathiri. Lawatan di Seiyun termasuk ke Istana Sultan Al-Kathiri yang dibina dari batu bata dan tanah liat dihiasi dengan gipsum, masih kekal dengan keaslian senibinanya. Masa bebas dengan mengeksplorasi souq yang penuh dengan pelbagai hasik seni tangan (handikraf), produk tempatan dll. Bertolak ke Shibam yang terkenal dengan bangunan-bangunan pencakar langit yang dibina dari tanah liat. Shibam juga terkenal dengan jolokan "Desert Manhattan". Shibam diistiharkan sebagai Tapak Warisan Sejarah dan Kebudayaan Dunia UNESCO. Kembali ke Seiyun, masa bebas

HARI 04: SEIYUN/WADI DOUAN/WADI HADRAMAUT- MASHDAD ALI/AL-HAJARAIN/SIF/MUKALLA [SP/MT/MM]

Selepas sarapan, bertolak merentasi gurun pasir menuju ke Wadi Hadramaut. Dalam perjalanan singgah di Wadi Douan (yang terkenal dengan madu lebah sidir tulen). Anda juga berhenti untuk menziarahi menziarahi Makam Imam Ahmad Bin Isa Al-Muhajir (cicit Rasulullah saw) yang membawa agama Islam ke bumi Haydramaut. melawat Al-Hajarain perkampungan kuno yang terdiri dari rumah-rumah batu yang dibina di pinggir gunung mengadap ladang-ladang tamar, kota Sif dan bermalam di Mukalla.

HARI 05: MUKALLA/SANAA /BAIT AL-BAWS/MASJID AS-SALEH/OLD SANAA [SP/MT/MM]

Selepas sarapan pagi bertolak ke lapangan terbang untuk kembali ke Sanaa; sehari penuh melawat kota lama Sanaa, melawat Muzium Negara. Kota lama Sanaa terkenal dengan keindahan bercirikan arab tradisional dengan masjid-masjid yang mempunyai rekaan dalaman yang memukau dan keunikan rumah-rumah bertingkat-tingkat umpama istana. Lawatan termasuk ke Masjid Besar Sana'a, Bab Al-Yaman, Pasar Garam dll. Kembali ke hotel, makan malam dan rehat. *Sana'a: Salah sebuah kota tertua yang berterusan dihuni manusia di dunia selepas Jericho, Damsyik dan Aleppo (Syria). Dipercayai diasaskan oleh Sham anak Nabi Nuh as, diistiharkan oleh UNESCO sebagai tapak warisan dunia.*

Exclusively Operated By:

AL FURQAN TRAVEL & TOURS SDN BHD (1059537-V)

NO. 8-1 & 8-2, JALAN TAMAN TASIK UTAMA 7, THE TRILLIUM (LAKE FIELDS),

SG. BESI 57000 KUALA LUMPUR

Tel: 018-5919150 Fax:

E-Mail: umrah@alfurqangroup.com



**HARI 06: SEIYUN/SANAA/THULA/HABABA/KAWKABAN
SHIBAM/SANAA [SP/MT/MM]**

Selepas sarapan pagi bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan ke Sanaa, sampai Sanaa terus ke Thula; Thula adalah kota kubu yang masih kekal dengan dinding kotanya yang asal- satu contoh unggul penggunaan batu oleh bangsa Arab dalam pembinaan, rumah setinggi 6 tingkat dibina dipuncak gunung dan bentuk batu batan tirus dan tajam, ke Hababah satu contoh terbaik perkampungan Yaman yang dibuat dari batu-batan sebelum merentasi kawasan volcanic di kaki pergunungan Kawkaban, melawat kolam-kolam air kuno dan perkampungan Hababah. Kawkaban adalah kota bagi Shibam dalam sejarah silam. Balik ke Sanaa. Hotel, makan malam dan rehat.

HARI 07: SANAA/DOHA/KUALA LUMPUR [SP]

Selepas sarapan pagi, ke Wadi Dahr Lawatan singkat ke Dar Al-Hajjar; istana musim panas Imam Yahya yang terletak di atas puncak-puncak berbatu di Wadi Dahr dan menuju ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang ke Malaysia.

HARI 08: KLIA

Selamat sampai di KLIA jam 2.10 petang.

**HARGA PER PAX DI DBL/BILEK BERKONGSI DAN BERSEORANGAN DENGAN
SARAPAN PAGI.**

| DEWASA BILEK BERDUA/BERKONGSI | DEWASA/BILIK SEORANG | KANAK-KANAK 2-12 T BERKATIL |
|---|---|--|
| RM 7299 SEORANG (RM 7199 Warga Emas) | RM 7529 SEORANG (RM 7429 Warga Emas) | RM 6475 SEORANG |

HARGA TERMASUK:

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi dengan qatar airways + cukai lapangan terbang
- Tiket penerbangan domestik pergi balik kelas ekonomi dengan cukai lapangan terbang (Sanaa-Seiyun-Sanaa)
- 06malampenginapan di hotel 4* & 3* dengansarapanpagi.
- Bayaran masuk tempat lawatan.
- Makan tengahari dan malam seperti dalam aturacara.
- Beg kembara & tip pemandu kenderaan dan pemandu pelancong.
- Porterage di Hotel dan lapangan terbang
- Air mineral dalam bas.

HARGA TIDAK TERMASUK:

- Air panas/sejuk/jus yg dipesan sewaktu makan.
- Perbelanjaan persendirian
- Travel Insurance



JADUAL PENERBANGAN:

| TARIKH | SEKTOR | KOD AIRLINES | ETD | ETA |
|-------------------|-----------------|---------------------|-------------|-------------|
| 22/10/2013 | KUL/DOHA | QR 623 | 0330 | 0605 |
| 22/10/2013 | DOHA/SAH | QR 452 | 1255 | 1535 |
| 28/10/2013 | SAH/DOH | QR 433 | 1640 | 1910 |
| 29/10/2013 | DOHA/KUL | QR 848 | 0130 | 1410 |

TARIKH LAIN PENERBANGAN:

29 Nov 2013, 10 Dis 2013, 18 Jan 2014, 07 Feb 2014, 21 Mac 2014